

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

8. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi membendung sebarang penularan wabak seperti COVID-19 di masa hadapan sekiranya berlaku wabak sebegini?.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan standard operating procedure untuk memudahkan agensi dan jabatan?.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI**

8. Penularan wabak merupakan suatu perkara yang tidak dapat dijangka dan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Sebagai persediaan menghadapi situasi seperti ini pada masa hadapan, Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan terlibat akan terus mempertingkatkan pelaksanaan saringan kesihatan di pintu-pintu masuk antarabangsa, menjalankan sekatan perjalanan dari negara terlibat dan menyediakan laluan khas untuk pelawat dari negara-negara yang disyaki menghadapi sebarang wabak penyakit. Selain itu, kolaborasi dengan hospital swasta juga telah dimulakan di peringkat Persekutuan mahupun negeri sebagai persediaan untuk menerima pertambahan kemasukan pesakit kes-kes wabak pandemik sekaligus membantu mengurangkan beban hospital kerajaan yang sedia ada.
- a. Terdapat dua (2) Jawatankuasa yang telah digerakkan oleh Kerajaan Negeri sepanjang berlakunya penularan pandemik COVID-19 ini iaitu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dibantu Jabatan Kesihatan Negeri dalam menangani pandemik ini secara menyeluruh. Kedua-

dua Jawatankuasa ini bersama-sama Jabatan dan Agensi Kerajaan yang lain adalah tertakluk kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara Nombor 20 yang digunakan sebagai Prosedur Tetap Operasi. Oleh yang demikian, tidak wujud SOP yang baru di peringkat negeri bagi tujuan pengurusan bencana di negeri ini.